

SET 5

1. Persekitaran kita penuh dengan pelbagai bunyi. Kita merasai bunyi melalui deria pendengaran.
(a) Isikan tempat kosong untuk melengkapkan pernyataan di bawah.

(i) Bunyi adalah satu bentuk tenaga yang dihasilkan oleh _____.

(ii) Bunyi memerlukan _____ untuk merambat.

(2markah)

(b) Tandakan (✓) **dua** ciri bunyi.

(i) Boleh dipantulkan.	
(ii) Tidak boleh merambat dalam vakum.	
(iii) Bergerak lebih cepat daripada cahaya.	
(iv) Tidak boleh diserap.	

2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang **betul**.


(a) Amplitud dan kenyaringan bunyi

Semakin _____ amplitud sesuatu gelombang bunyi, semakin _____ bunyi yang dihasilkan.

(b) Frekuensi dan kelangsingan bunyi

Semakin _____ frekuensi sesuatu gelombang bunyi, semakin _____ bunyi yang dihasilkan.

3. Graf berikut menunjukkan kenyaringan yang dihasilkan oleh suatu instrumen muzik.



- (a) Berdasarkan graf di atas, graf yang manakah menunjukkan kenyaringan bunyi tertinggi? Jelaskan.

- (b) Nyatakan faktor yang menentukan kenyaringan bunyi yang dihasilkan oleh instrumen itu.